

25/09/1997

Selangor kurangkan belanja dua peratus

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor mengurangkan perbelanjaan sebanyak dua peratus dan akan menangguhkan beberapa projek tidak penting yang kurang memberi faedah kepada rakyat selaras arahan Kerajaan Persekutuan untuk membantu memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara, kata Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, langkah itu juga diambil selaras dengan kempen berjimat cermat yang diarahkan Kerajaan Persekutuan, selain suasana ekonomi sekarang dan kejatuhan nilai ringgit.

"Kita akan kurangkan perbelanjaan sebanyak dua peratus dan mengkaji sebelum menangguhkan beberapa projek tidak penting yang kurang memberi manfaat kepada rakyat selaras dengan keadaan ekonomi serta kejatuhan nilai ringgit," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco) di sini, hari ini.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK), Datuk Hashim Meon; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penyelidikan dan Pembangunan negeri (R&D), Datuk Abdul Fatah Iskandar; dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof.

Beliau berkata, langkah itu juga diambil susulan satu pertemuan khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, baru-baru ini.

Abu Hassaan berkata, antara langkah diambil bersesuaian dengan kempen berjimat cermat seperti diarahkan Kerajaan Persekutuan ialah:

- \* Memberhentikan pembelian kereta import.
- \* Mengurangkan lawatan ke luar negara, kecuali lawatan yang penting.
- \* Mengurangkan pemberian cenderamata.
- \* Mengurangkan pengambilan kakitangan tambahan, terutama membabitkan kakitangan kontrak.
- \* Hanya menggunakan syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) ketika mengadakan lawatan ke luar negara.
- \* Mengurangkan penggunaan telefon dan faks ke luar negara.
- \* Mengurangkan bahan import dan membanyakkan lagi barangan eksport yang dikeluarkan oleh syarikat milik kerajaan negeri.

Beliau berkata, bagi memastikan arahan ini dipatuhi, Setiausaha Kerajaan Selangor akan mengeluarkan pekeliling kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri.

"Kita akan monitor arahan ini supaya agensi dan jabatan kerajaan negeri yang berkaitan mematuhi arahan itu," katanya.

Pada 18 September lalu, akhbar ini melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua kerajaan negeri mengurangkan program menjurus kepada perbelanjaan berlebih-lebihan untuk membantu Kerajaan Persekutuan memperkukuhkan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, arahan itu dikeluarkan pada satu pertemuan khas Perdana Menteri dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Pertemuan itu bertujuan menekankan pentingnya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bersepakat dalam menangani permasalahan ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit.

(END)